

TEORI LINGUISTIK DAN PENYELIDIKAN BAHASA INDONESIA DALAM ABAD KE-20

Harimurti Kridalaksana

Abstrak

Selepas melihat secara kasar perkembangan semasa linguistik antara-bangsa, dan menggariskan perkembangan penerapan linguistik dalam kajian bahasa Indonesia dan bahasa lain di Indonesia semenjak tahun 1950-an, penulis berpendapat bahawa masa depan linguistik Indonesia lebih terletak pada pergerakan fungsional, daripada pergerakan formalis-generatif. Penulis mengasaskan kenyataan ini pada kajian empirik terkini terhadap bahasa di Indonesia, dan wawasan katolik tentang teori fungsional, serta hakikat bahawa teori Chomsky sentiasa berubah, jarang-jarang diuji secara empirik dan tidak pernah mantap menjadi suatu teori satuan yang tuntas. Dalam amalan penyelidikan linguistik di Indonesia, penulis menunjukkan bahawa beberapa sarjana bulat-bulat menggunakan teori Amerika-Eropah. Walau bagaimanapun, ada sarjana lain yang memperkenalkan inovasi, idea baharu, dan memperoleh dapatan baharu dalam kajian bahasa di Indonesia.

Abstract

After sketching the development of present-day international linguistics, and outlining the development of the application of linguistics in the study of Indonesian and other languages in Indonesia since the 1950's, the author argues that the future of Indonesian linguistics lies in the functionalist movement, rather than in the formalist-generative movement. He bases his argument on recent empirical studies on Indonesian languages, and on the catholic insight of the functional theories, as well as on the fact that the Chomskyan theories are forever changing, rarely empirically tested and never settled and established

as a stable and unified theory. In the practice of linguistics research in Indonesia he shows that several scholars did apply Euro-American theories unconditionally. However, there are other scholars who introduced innovations, offered fresh ideas, and found new facts in the study of Indonesian languages.

PENDAHULUAN

Kini istilah teori dalam wacana ilmiah sekurang-kurangnya digunakan dengan lima makna berikut: (1) struktur yang terjadi daripada konsep yang bertalian yang keseluruhannya tertumpu pada pengamatan dan andaian dalam ilmu yang berkaitan; (2) proses penyelidikan dengan menggunakan penalaran logik atau matematik, dan bukan dengan eksperimen; (3) prinsip atau penalaran yang berkaitan dengan suatu praktik ilmiah; (4) perangkat kaedah atau prinsip untuk mengkaji suatu masalah ilmiah; (5) gagasan, penjelasan, atau pemikiran tentang sebab-sebab di sebalik suatu fenomena. Makna ini sama dengan hipotesis.

Kelima-lima penggunaan makna teori tersebut digunakan secara bebas dalam linguistik. Makna mana pun yang dimaksudkan, teori tetap bermanfaat dalam linguistik untuk membuat deskripsi, klasifikasi, dan penjelasan terhadap peristiwa bahasa yang diamati, serta untuk membuat ramalan tentang fenomena bahasa yang belum muncul atau yang pada suatu ketika akan muncul, kerana teori harus juga menjangkau fakta di luar data yang diteliti. Dalam linguistik, sering digunakan istilah generatif. Makna istilah ini sama dengan prediktif, jadi manfaat yang terakhir itulah yang dimaksudkan. Teori tidak dapat disamakan dengan model teoretis yang berusaha untuk memerikan sistem bahasa atau salah satu komponen bahasa melalui analogi dengan konsep yang dapat langsung diamati dan perilaku konsep itu.

Dalam hubungan ini, perlulah dibezakan di antara teori yang kurang abstrak dengan teori abstrak (Verhaar, 1973 menyebutnya *low level theory* dan *high level theory*). Teori yang kurang abstrak lebih merupakan ringkasan data, bersifat *a posteriori*, dan banyak mengungkapkan prosedur penemuan. Teori yang abstrak mempunyai ciri-ciri berikut: (1) tidak dibina daripada data semata-mata; (2) diperoleh daripada penalaran logik atau matematik, bahkan boleh sahaja bergantung dari suatu intuisi, yang berdasarkan kerangka rujukan tertentu; (3) memerlukan pengesahan dalam penanganan data yang diselidiki.

Teori linguistik merupakan sistem yang semakin abstrak, sehingga

menghasilkan penjelasan, ramalan, pembinaan semula, tafsiran, penilaian tentang fenomena dalam bahasa, dan dapat merumuskan kaedah atau hukum tentang bahasa. Walaupun dalam wacana ilmiah umum, teori sering dicampuradukkan dengan hipotesis, seperti yang disebutkan di atas, secara teknik atau dalam pengertian sempit, ada gunanya dibezakan teori dengan hipotesis, yakni andaian sementara yang dirumuskan untuk menyelidiki konsekuensi logik atau empirik. Secara teknik ada juga gunanya dibezakan teori dengan model teoretis, yakni penggambaran fakta bahasa melalui apa yang dapat diamati yang perilakunya menjelaskan sifat atau sistem fakta. Oleh sebab teori linguistik didasarkan pada kerangka rujukan yang mungkin bersifat implisit, dalam pengungkapan teori muncul unsur yang berkaitan dengan gerakan, aliran, kecenderungan, atau paradigma. (Keempat-empat konsep ini akan dijelaskan di bawah). Jadi dalam wacana linguistik, sering dikatakan “teori TG” sedangkan yang dimaksudkan ialah “aliran TG” atau “teori yang behavioristis” sedangkan yang dimaksudkan ialah “tendensi behavioristis”, atau “teori fungsional” sedangkan yang dimaksudkan ialah “gerakan fungsional”. Dalam operasi penyelidikan ilmiah, susunan hierarki seperti yang berikut: Falsafah–teori–metodologi–teknik analisis–notasi. Seseorang penyelidik boleh berpegang pada falsafah yang mencakupi gerakan, aliran, kecenderungan, atau paradigma yang diikutinya.

LINGUISTIK DALAM KONTEKS ANTARABANGSA

Linguistik ilmu yang berkaitan dengan seluruh dunia; dan itulah yang menjadi konteks pembicaraan dalam makalah ini. Di bawah ini secara ringkas dibentangkan tiga hal yang akan mendukung pembahasan makalah ini selanjutnya; iaitu ciri linguistik abad ke-20, keadaan linguistik di Amerika Syarikat dan Eropah, dan dikotomi formalisme-fungsionalisme.

Ciri-ciri Linguistik Abad ke-20

1. Petanda utama ialah kebangkitan strukturalisme, dan keruntuhan automisme.
2. Strukturalisme mempengaruhi ilmu, seperti falsafah, antropologi, psikologi dan kajian sastera.
3. Linguistik berkembang sebagai ilmu autonomi dengan metodologi yang tersendiri.
4. Bidang linguistik berkembang menjadi sekian banyak subbidang khusus.
5. Pembahagian bidang yang utama ialah:

- (a) mikrolinguistik:
 - i. teori linguistik/linguistik umum
 - ii. linguistik deskriptif
 - iii. linguistik historis komparatif
 - (b) makrolinguistik:
 - i. bidang antara disiplin
 - ii. bidang terapan
 - (c) sejarah linguistik.
6. Terjadi saling pengaruh yang intensif antara linguistik dengan ilmu lain, sehingga bidang antara disiplin berkembang pesat.
 7. Penyelidikan empiris menjangkau ratusan bahasa; dan bahan yang diperoleh memperkaya teori linguistik.
 8. Teori linguistik sangat berkembang, sehingga timbul bermacam-macam:
 - (a) paradigma, yaitu perlakuan ilmiah yang diakui sebagai model untuk memecahkan masalah dalam kalangan tertentu. Contoh: Hingga beberapa tahun kebelakangan ini bagi sekelompok ahli teori Chomsky yang dikenal sebagai *universal grammar* atau generativisme dipegang sebagai paradigma dalam kajian linguistik;
 - (b) gerakan, yaitu cara berfikir yang tidak diarahkan oleh tokoh atau kelompok tertentu, tetapi menjadi dasar menyeluruh kegiatan ilmiah bagi aliran atau tokoh yang berlainan. Contoh: Isme seperti fungsionalisme, generativisme, deskriptivisme merupakan gerakan yang aktif dalam linguistik;
 - (c) tendensi, yaitu nuasan berfikir yang samar-samar nampak menandai karya ilmiah tertentu yang berasal daripada ilmu atau pandangan di luar linguistik. Contoh: Behaviorisme, mentalisme, dan sebagainya;
 - (d) aliran, yaitu kumpulan sarjana yang berpegang pada ajaran atau mengikuti guru tertentu. Kini, tagmemik dan aliran stratifikasi merupakan contoh aliran dalam linguistik.
 9. Kepelbagaian teori itu mempengaruhi bidang linguistik lain.
 10. Linguistik menyebar ke seluruh dunia, kerana didukung oleh industri penerbitan yang berbahasa Inggeris.

PERKEMBANGAN LINGUISTIK DI AMERIKA DAN EROPAH

Nyatalah bahawa linguistik mondial itu tidak lain daripada linguistik Eropah-Amerika; dan linguistik Indonesia pun mahu tidak mahu berorientasi ke Eropah dan Amerika. Walaupun dalam beberapa tahun kebelakangan ini ada usaha yang dilakukan untuk memperoleh inovasi teoretis berdasarkan penelitian empiris di Indonesia, namun kerangkanya tetap berupa kerangka Eropah-Amerika. Di sini dipaparkan secara ringkas tentang keadaan linguistik di kedua-dua sisi Atlantik itu sejak tahun 1960-an.

Sejak dasawarsa itu, perkembangan linguistik menjadi sangat pesat kerana timbulnya aliran baharu dan paradigma baharu di Amerika Syarikat yakni teori transformasi generatif (TG) yang dipelopori oleh A.N. Chomsky. Aliran itu berusaha untuk memberi rumusan baharu tentang hakikat bahasa, tujuan linguistik, model, dan metodenya. Dalam perkembangannya selama 30 tahun, bermula daripada teori TG muncul pelbagai versi, yakni *classical theory* (1957), *standard theory* (1965), *extended standard theory* (1968), *revised extended standard theory* (1970), *generative semantics* (1970) (yang menjadi sempalan yang berpengaruh), *government-and binding theory* (juga dikenal sebagai *principles and parameters*) (1980), *minimalist program* (1993). Di samping *generative semantics* yang kemudian menjadi aliran tersendiri dan lebih bersifat fungsional (yang kemudian menamakan dirinya *cognitive linguistics*), dari TG timbul aliran-aliran mandiri, a.l. *functional lexical grammar*, *generalized phrase structure grammar*, *Montague grammar*, dan sebagainya.

Di samping TG, aliran lain seperti aliran stratifikasi, aliran tagmemik, *cognitive linguistics*, dan sebagainya terus berkembang. Boleh dikatakan, apa yang dijuluki linguistik pra-Chomsky tidak mati. Namun, aliran TG yang paling berpengaruh di kebanyakan universiti di Amerika. Dalam pada itu tidak sedikit daripada para pengkaji yang tidak peduli dengan pergolakan teoretis itu dan terus mengkaji secara empirik fenomena bahasa dengan segala manifestasinya, seperti tipologi bahasa, semesta bahasa, perkembangan bahasa, bahasa anak, cacat bahasa, bahasa dalam konteks sosial, bahasa dan otak, perbandingan bahasa, dan sejarah pemikiran linguistik.

Aliran TG juga diikuti oleh banyak sarjana di luar Amerika, termasuk Eropah, dan menarik ahli linguistik muda, kerana aliran ini mempunyai nuansa politik yang sangat kuat (Chomsky pendekar *New Left*) dan kerana dominannya bahasa Inggeris sebagai perantaraan ilmiah antarabangsa. Namun ketidakpuasan terhadap teori ini juga sangat meluas. Perhatikan banyaknya versi TG yang memperlihatkan betapa cepatnya Chomsky

menghasilkan teori baru, padahal teori yang ada belum teruji secara tuntas. Pembaca yang mengikut teori secara dekat akan menyaksikan bahawa konsep transformasi, konsep *deep structure* dan *surface structure* yang pada masa-masa lalu sangat dikagumi orang sudah ditinggalkan oleh Chomsky. Bahkan beliau tidak pernah menyatakan bahawa istilah *goverment and binding theory* ialah istilah yang salah, dan harus digunakan istilah *principles and parameters*. Dalam sebuah tulisannya beliau menyatakan bahawa kini penyelidikan sintaksis sudah selesai (jadi tidak perlu dilakukan lagi); yang perlu diselidiki ialah bidang fonologi dan semantik.

Di Eropah, perkembangan linguistik cukup rancak, kerana sudah ada tradisi linguistik berabad-abad. Para ahli penganut teori linguistik yang moden cukup aktif meneliti dan menyebarkan hasil penelitian masing-masing. Namun, kerana sebahagian besar karya mereka (kecuali karya para sarjana Inggeris) ditulis dalam bahasa yang penyebarannya tidak seluas bahasa Inggeris, pengaruhnya dalam arena antarabangsa agak kurang, dan tidak begitu dikenal di Indonesia. Beberapa nama ahli teori seperti Reichling Bally, Uspenskij, Tesniere, Guillaume, Hartmann, Lieb, dan sebagainya bukanlah nama sarjana yang karyanya biasa dibaca dan dikutip oleh pengkaji bahasa di Indonesia. Karya dalam bidang yang tidak terlalu sarat teori, seperti sosiolinguistik dan sejarah linguistik, juga cukup banyak ditulis oleh para sarjana Eropah dalam bahasa mereka masing-masing.

Catatan singkat perlu diberikan kepada apa yang dapat disebut aliran Leiden, yang ada pengaruhnya di Indonesia melalui beberapa sarjana yang pernah belajar di institusi pendidikan tinggi di kota itu. Aliran ini tidak sarat teori (menggunakan *low level theory*), sangat empiris dan deskriptif (tetapi, tidak behavioristis), dan agak bersifat fungsional, serta memberi perhatian besar terhadap bahasa daerah yang terpencil; metode atau “gaya” penelitian aliran itu tumbuh daripada pengalaman memerikan bahasa di Indonesia pada zaman penjajahan.

Semenjak tahun 1970-an, ketidakpuasan terhadap TG menimbulkan perpecahan dalam kalangan pengikutnya, dan perpecahan ini mewujudkan perpaduan dalam kalangan lawannya yang berlain alirannya. Kini timbul gerakan fungsionalisme dan formalisme, dua gerakan besar linguistik yang sangat menonjol dan yang selalu bertikai. Gerakan fungsionalisme memayungi karya sarjana seperti Martinet, Robins, Halliday, Dik, Vennemann, Dressler, dan sebagainya di Eropah, dan sarjana Amerika seperti Pike, Longacre, Kuno, Van Vallin, Fillmore, dan sebagainya. (Gerakan ini sebenarnya mempunyai sejarah yang panjang, tetapi latar belakang gerakan itu tidak dibincangkan dalam makalah ini.) Formalisme hampir seluruhnya

merupakan gerakan TG. Jadwal di bawah menunjukkan beberapa perbezaan ciri kedua-dua gerakan itu.

Apabila kita memerikan bahasa Indonesia secara memadai, kita harus memi-
lih salah satu daripada kedua-dua gerakan itu.

Perbezaan antara Fungsionalisme dengan Formalisme

Fungsionalisme	Formalisme
<ol style="list-style-type: none"> 1. Bahasa ialah fenomena sosial. 2. Semesta bahasa berasal daripada kesemestaan penggunaan bahasa yang terdapat dalam masyarakat manusia. 3. Bahasa dipelajari dalam hubungan dengan fungsi sosialnya. 4. Bahasa anak berkembang daripada keperluan dan kemampuan komunikatif anak dalam masyarakat. 5. Penggunaan bahasa dianalisis mendahului kod bahasa. 6. Masyarakat bahasa dianggap sebagai matriks khazanah kod. 7. Beberapa konsep seperti masyarakat bahasa, pertuturan atau fungsi bahasa adalah konsep yang bermasalah dan harus dikaji. 	<ol style="list-style-type: none"> 1. Bahasa ialah fenomena mental. 2. Semesta bahasa diturunkan daripada bawaan genetik bersama. 3. Bahasa dipelajari daripada sebagai sistem yang autonom. 4. Bahasa anak berkembang daripada keupayaan berbahasa yang sedia ada pada manusia. 5. Penggunaan bahasa hanyalah melengkap atau membatasi analisis atau kod bahasa. 6. Masyarakat bahasa dan kod bahasa bersifat homogen. 7. Beberapa konsep seperti masyarakat bahasa, fungsi bahasa, atau pertuturan diterima begitu sahaja tanpa kajian lanjut.

Ciri-ciri Linguistik Indonesia

Kini, istilah linguistik digunakan dengan pengertian luas atau pengertian sempit dalam kajian ilmiah tentang bahasa. Dalam pengertian luas, konsep itu menjangkau segala sesuatu yang membicarakan bahasa, apa pun pendekatan dan tujuannya seperti buku pelajaran, bahan penyuluhan, kamus, buku pengajaran tatabahasa, dan sebagainya, termasuk yang dihasilkan oleh linguistik terapan tersebut di atas, di samping karya hasil penelitian dan karya teoretis. Dalam pengertian yang sempit, linguistik hanya mencakup

karya penelitian dan teoretis sahaja. Penggunaan pengertian luas dan sempit seperti itu memudahkan wacana ilmiah, kerana kita dapat membicarakan karya kebahasaan apa pun tanpa secara *a priori* memberi pensyaratan keilmiahannya kepada karya itu, dan kerana yang namanya keilmiahannya – pensyaratan yang sebenarnya hanya layak diberikan kepada karya teknikal dalam pengertian kedua itu sahaja – ialah konsep yang berjenjang. Itu pun bergantung pada teori dan aliran yang menjadi kerangkanya. Dalam historiografi linguistik Indonesia, misalnya, *Grondt ofte Kort Bericht ...*, karya Johannes Roman (1653) dan *Kitab Pengetahuan Bahasa*, karya Raja Ali Haji (1856), digolongkan dalam karya linguistik, kerana merupakan perlakuan kebahasaan pada zamannya, meskipun kedua-duanya berunsurkan pedagogi. Kita akan membuat kesalahan bersejarah yang berbahaya apabila kita meremehkannya dan menyatakan bahawa karya-karya seperti itu tidak pantas diteliti oleh ahli linguistik.

Kalau kita berbicara tentang teori linguistik yang menjadi topik makalah ini, dengan sendirinya kita menggunakan konsep linguistik dalam pengertian kedua tersebut, yakni pengertian yang teknik dan sempit. Di dalamnya tercakup kajian tentang subsistem bahasa, yakni leksikon, tatabahasa, dan fonologi. Dalam subsistem itu terjangkau dunia bunyi (fonetik) dan dunia makna (semantik), di samping ranah lain yang menghubungkan struktur dan sistem bahasa dengan konteksnya, iaitu pragmatik. Teori linguistik sering disebut induk linguistik, kerana dari situlah terpancar wawasan tentang liku bahasa yang digunakan dalam bidang terapan, seperti pengajaran bahasa atau leksikografi, dan bidang antaradisiplin, seperti sosiolinguistik atau psikolinguistik. Dalam makalah ini tidak dibincangkan bidang terapan dan bidang antaradisiplin.

Dalam perkembangan teori linguistik di Indonesia, bidang yang paling diminati ialah tatabahasa, khususnya sintaksis. Ada perhatian sedikit pada fonologi, pragmatik, dan semantik; dan hampir tidak ada minat pada kajian tentang leksikon. Minat yang begitu banyak terhadap sintaksis demikian itu dapat difahami, apabila kita ingat bahawa kajian linguistik Indonesia tumbuh daripada perhatian pada penggunaan bahasa, khususnya tatabahasa (baca: gramatika pedagogis). Kalau linguistik Eropah lahir daripada falsafah, dan linguistik India daripada agama, maka bolehlah dikatakan bahawa linguistik Indonesia yang belum panjang sejarahnya ini lahir daripada pengajaran bahasa. Dengan catatan – seperti yang telah dinyatakan di atas – bahawa linguistik Indonesia kini merupakan linguistik Eropah-Amerika.

PERIODISASI DALAM LINGUISTIK INDONESIA

Ada dua makna istilah linguistik Indonesia: Pertama, linguistik bahasa Indonesia, dan kedua, linguistik yang dipraktikkan di Indonesia. Oleh sebab selama ini penyelidikan tentang bahasa Indonesia sangat intensif dilakukan, maka penyelidikan mengenai bahasa daerah dan dalam beberapa kes mengenai bahasa asing mengikuti pola penyelidikan bahasa Indonesia. Perkembangan linguistik Indonesia dalam kedua-dua makna itu yang belum panjang umurnya ini, khususnya sejak kemerdekaan hingga menjelang akhir abad ke-20 ini, dapat dibahagikan kepada beberapa tempoh. Tempoh sebelum tahun 1960-an, tempoh tahun 1960-an hingga tahun 1970-an, dan tempoh selepas tahun 1970-an.

Periodisasi Pembahagian Masa

Sebelum tahun 1960-an, dunia bahasa dan dunia pengajaran bahasa amat kuat dipengaruhi oleh karya S. Takdir Alisjahbana, *Tatabahasa Baru Bahasa Indonesia* (1949–50), karya C.A. Mees, *Tata Bahasa Indonesia* (1951), karya St. M. Zain, *Djalan Bahasa Indonesia* (1942–1954), dan karya Poedjawijatna dan Zoetmulder, *Tata Bahasa Indonesia untuk Sekolah Lanjutan Atas* (1955). Sebuah karya lain perlu dicatat di sini, iaitu *Dasar-dasar Tata Bahasa Indonesia* oleh S. Zainuddin gl. Pg, Batuah (1956), kerana karya ini merupakan usaha paling awal Kementerian Pendidikan, Pengajaran, dan Kebudayaan Indonesia untuk menetapkan buku tatabahasa standard rasmi dalam sejarah pengajaran bahasa di Indonesia. Walau bagaimanapun, dalam pengajaran bahasa di Indonesia keempat-empat karya yang “tidak rasmi” terbitan swasta itu lebih berpengaruh daripada buku Zainuddin yang merupakan terbitan kerajaan.

Buku lain yang sering disebut ialah karya Armijn Pane, *Mencari Sendi Baru Tata Bahasa Indonesia* (1950), karya A.A. Fokker, *Inleiding tot de Studie van de Indonesische Syntaxis* (1951) atau terjemahannya, *Pengantar Sintaksis Indonesia*, dan karya Slametmuljana, *Kaidah Bahasa Indonersia* (1956–1957), tetapi nampaknya karya terakhir itu pengaruhnya kurang kuat. Sebabnya, pada waktu itu perhatian pada aspek ilmiah bahasa Indonesia sangat kurang, sehingga karya Armijn Pane yang “empiris”, karya Fokker yang berorientasi pada aliran Praha, dan karya Slametmuljana yang bersifat “generatif” (dengan demikian ketiga-tiganya bersifat teoretis-ilmiah) itu tidak popular. Di samping itu, karya teknik lain jarang-jarang muncul dalam dunia penerbitan Indonesia. Sebenarnya dalam majalah

Pembina Bahasa Indonesia, makalah Takdir Alisjahbana banyak mengandung hujah kritis tentang beberapa aspek bahasa Indonesia, misalnya tentang masalah aktif-pasif, “inovasinya” tentang hukum D-M atau perdebatannya dengan A.A. Fokker tentang bahasa Indonesia dan bahasa daerah (1950–1951), tetapi nampak sekali bahawa Alisjahbana kurang sabar dalam mengejar ketuntasan hujah ilmiah, dan terlalu cepat ingin memberi “fatwa” yang preskriptif. Di samping itu, karangan semacam itu kurang sambutan (salah satu kekecualian antaranya ialah karya-karya H.D. van Pernis yang terkumpul dalam *Taman Bahasa Indonesia* (1952), sehingga boleh dikatakan pada masa itu ilmu tentang bahasa Indonesia tidak berkembang.

Periode Linguistik Pertama

Kemunculan beberapa karya yang membedah cakerawala baharu pada kajian tentang bahasa menandai era baharu dalam kajian empiris tentang bahasa Indonesia mahupun tentang bahasa lain. Bermula dengan beberapa karya empiris dan kritis seperti makalah Samsuri tentang fonologi bahasa Jawa (1960) dan tentang sistem fonem dan ejaan (1960), makalah T.W. Kamil dan Sugeng Sukarsono tentang morfem produktif (1960), makalah Tang Tjia Han tentang awalan *ter-* (1960), makalah T.W. Kamil dan A.M. Moeliono tentang pelaksanaan linguistik di Indonesia (1961), dan makalah Ramlan tentang *immediate constituent* (1964) dan kata majmuk (1965) - ditambah dengan sebilangan makalah mengenai bidang bahasa lain, seperti kajian dialek, kajian komparatif, peristilahan, dan sebagainya yang tidak dibahas di sini. Makalah itu merupakan penerapan daripada teori dan pandangan linguistik deskriptif Amerika, khususnya aliran neo-Bloomfieldian, yang dominan pada waktu itu, dapat dijelaskan daripada kenyataan bahawa sebahagian daripada para penulis itu baru menamatkan pengajian bahasa di Amerika Syarikat. Aliran neo-Bloomfieldian itu bersifat behavioristis, ketat dalam metodologi, dan mengunggulkan bahasa lisan.

Periodisasi Linguistik Kedua

Periode kedua dalam perkembangan teori linguistik Indonesia ditandai oleh penerapan teori aliran Leiden, penerapan teori TG, dan upaya sintesis pelbagai teori. Sekitar tahun 1970-an, seperti yang dipaparkan di atas, timbul usaha untuk menerapkan teori lain dalam usaha memerikan bahasa Indonesia, yakni teori deskriptif Leiden yang kurang abstrak dan sedikit banyak

fungsionalistis. Pendekatan demikian terdapat dalam disertasi para sarjana seperti Muhadjir, Badudu, Ayatrohaedi, dan Tarigan.

Dalam tahun yang hampir sama, beberapa sarjana yang terlibat dalam proyek bahasa Inggris Ford Foundation pulang ke Indonesia dan mulai aktif menulis, dan mendominasi dunia pendidikan, terutama di IKIP Malang. Antara yang paling kreatif dan berpengaruh ialah Samsuri (yang pernah menulis dengan kerangka teori neo-Bloomfield tersebut di atas). Dalam pidato pengukuhan sebagai profesor IKIP, beliau menganjurkan agar teori TG diterapkan dalam penelitian bahasa Indonesia. Salah satu hasil pemikirannya ialah buku *Tata Kalimat Bahasa Indonesia* (1985), sebuah buku sintaksis yang cukup komprehensif, tetapi secara teoritis tidak murni generatif.

Periodisasi Linguistik Ketiga

Pada tahun 1980-an dan 1990-an barulah mula dikembangkan teori tentang bahasa yang merupakan sintesis terhadap teori yang ada atau merupakan usaha menegakkan paradigma mandiri yang mengikat teori yang diabstraksikan daripada fakta empiris bahasa Indonesia dan bahasa lain di Indonesia. Pengembangan usaha sintesis itu sudah lama bermula, yakni sekitar tahun 1960-an. Semua teori itu menyedarkan kita bahawa selok-belok bahasa bukan semata-mata berkaitan dengan masalah penggunaan bahasa secara praktis. Fakta yang ditemui dalam penyelidikan bahasa memperkaya pemahaman tentang bahasa, sehingga penutur bahasa itu dapat secara lebih kritis dan apresiatif menggunakan dan memanfaatkannya.

Dalam tempoh ini ada tiga pertemuan bahasa yang mengembalikan semangat kebahasaan di Indonesia. Ketiga-tiga pertemuan itu ialah Simposium Bahasa dan Sastra Indonesia 1966, Seminar Bahasa Indonesia 1968, Seminar Bahasa Indonesia 1972, dan perasmian Ejaan Bahasa Indonesia yang Disempurnakan (EYD) oleh Presiden Suharto pada 16 Ogos 1972 (ditambah dengan perbincangan ilmiah yang mendahuluinya). Ketiga-tiga pertemuan itu mempunyai peranan yang sangat penting dalam usaha mendorong kajian ilmiah terhadap bahasa Indonesia. Karangan dalam pelbagai media massa sekitar tahun itu pun turut mengubah orientasi kepada bahasa yang sampai ketika itu hampir seluruhnya bersifat preskriptif ke orientasi yang deskriptif – syarat mutlak yang diperlukan apabila orang akan mendekati bahasa secara ilmiah. Perasmian EYD pada tahun 1972 itu merupakan awal tempoh baru dalam linguistik Indonesia yang lebih semarak lagi. Beberapa kemajuan teoretis di bawah ini berhasil dicapai.

Kemasukan konsep fonem ke dalam wawasan tentang bahasa Indonesia mengubah sama sekali pandangan tentang hakikat bahasa Indonesia. Apabila semua bunyi dianggap sebagai satuan terkecil dalam bahasa, sejak tahun 1960 dapat dibezakan aspek konkrit dengan aspek abstrak dalam satuan terkecil bahasa itu, dan baru disadari bahawa dalam penulisan dan pembacaan, perhatian lebih tertumpu pada aspek fonem yang abstrak itu berbanding dengan aspek bunyi. Sebenarnya dalam majalah *Bahasa dan Budaya* (1953) sudah muncul beberapa makalah tentang ejaan yang berwawasan fonem, dan dalam Kongres Bahasa Indonesia 1954 sudah dibincang dan diputuskan suatu pembaharuan ejaan dengan dasar fonemik (bahkan seperti yang diketahui, telah dirancang untuk pelaksanaan). Namun pengaruhnya tidak kuat dalam dunia ilmiah dan dunia pengajaran bahasa serta perakuannya tidak dilaksanakan kerana perkembangan politik dan ekonomi ketika itu; bahkan kongres itu sendiri hampir dilupakan. Kalau kita menyedari bahawa konsep fonem sudah muncul dalam linguistik umum di Eropah pada akhir abad ke-19, sedangkan konsep itu baru secara serius dilihat relevansinya dalam sistem bahasa Indonesia pada tahun 1960-an, kita melihat betapa lambatnya perkembangan wawasan ilmiah dalam pembangunan bahasa Indonesia.

Di samping konsep fonem, tercapai kemajuan dalam bidang fonologi sehingga tahun 1990. Kemajuan ini terdapat dalam karya Amran Halim tentang intonasi (1969) dan karya Hans Lapoliwa tentang kajian fonologi Indonesia secara generatif yang menambah wawasan kita tentang ciri-ciri pembeza (1981). Oleh sebab kedua-dua karya itu – seperti beberapa kajian ilmiah bermutu yang lain merupakan tesis perguruan tinggi luar negara yang tidak diedarkan, maka pengaruhnya dalam perkembangan wawasan tentang bahasa Indonesia sama sekali tidak terasa. Usaha untuk memahami sebutan bahasa Indonesia pernah dilakukan oleh Djoko Kentjono (1983) dan usaha kodifikasi pengetahuan tentang fonologi bahasa Indonesia dilakukan oleh Ny. Aminuddin dan kawan-kawan (1984). Dalam hubungan ini, kalau kita berbicara tentang kemajuan fonologi setelah tahun 1960, tidaklah bererti bahawa sebelumnya orang tidak memerhatikan masalah itu. Buku Armijn Pane memberi perhatian besar pada aspek bunyi dari bahasa Indonesia, bahkan dalam buku Takdir Alisjahbana yang berpengaruh itu pun sudah dibincangkan beberapa aspek suprasegmental; di samping monograf Lie Tie Gwan tentang sebutan dan ejaan. Beberapa makalah tentang penyukuan dalam majalah *Bahasa dan Budaya* (1955–1956) dan tentang sebutan dalam majalah *Medan Bahasa* (1955 dan seterusnya) yang lebih bersifat preskriptif.

Pengenalan konsep morfem merombak sama sekali pandangan bahawa seolah-olah unsur terkecil tatabahasa ialah kata. Sebelum tahun 1960, sudah dilihat perbezaan antara “kata dasar” dengan pelbagai imbuhan, tetapi saya tidak percaya bahawa orang memahami hubungan antaranya atau mampu membezakan secara jelas status kata berimbuhan, kata ulang, dan kata majmuk, kerana wawasan pada waktu itu lebih bersifat automistik daripada struktural. Pandangan baharu yang diperoleh berdasarkan penelitian Kamil dan Ramlan merupakan suatu sistem morfologi Indonesia yang bersifat penataan, kerana model yang digunakan ialah model penataan (*item-and-arrangement model*). Pada tahun 1970-an di Fakultas Sastra, Universitas Indonesia dikembangkan pemerian bahasa Indonesia atas dasar model proses *item-and-process* (model) yang mencakup gambaran yang agak lengkap dan terperinci tentang jenis imbuhan, hubungan antara imbuhan (kerana pengimbuhan tidak dianggap semata-mata sebagai proses penempelan morfem dengan morfem, melainkan sebagai satu sistem siklis yang utuh, sekalipun merupakan sebuah subsistem dalam morfologi), hubungan antara proses pengimbuhan, pengulangan dan pemajmukan, dan morf fonemik. Malahan sejak tahun 1980-an, konsep leksem diintegrasikan dalam pemerian bahasa Indonesia. Konsep ini diperkenalkan semula sebagai konsekuensi pandangan tentang adanya kaitan antara leksikon dengan tatabahasa sehingga dalam pemerian tatabahasa Indonesia bukannya dikotomi morfem-kata sahaja yang menjadi poros, melainkan trikotomi leksem-kata-morfem sebagai poros mendatar dan hierarki gramatikal daripada kata hingga wacana sebagai poros menegak, sehingga morfologi dan sintaksis membentuk satu subsistem, iaitu gramatika – berdampingan dengan leksikon dan fonologi.

Siapa sebenarnya yang pertama kali memperkenalkan konsep hierarki gramatikal dalam linguistik Indonesia, kurang jelas. Yang saya ingat bahawa dalam kuliah T.W. Kamil di Fakultas Sastra, Universitas Indonesia pada tahun 1960-an, sedikit-sedikit konsep itu disebut; dan kemudian dalam kuliah saya semenjak tahun 1970-an kerana pengaruh teori tagmemik – wawasan itu menjadi dasar teori sintaksisnya, bahkan hingga kini (lihat antara lain karya saya 1985). Yang jelas pada tahun 1964 Ramlan sudah memperkenalkan konsep frasa, sebagai penerapan teori Hockett. Wawasan hierarki gramatikal itu menjelaskan perbezaan antara kata, frasa, klausa, dan ayat. Atas dasar itu salah satu masalah klasik iaitu yang berkaitan dengan yang lazim disebut kata majmuk dapat dipecahkan: kata majmuk ialah kata, bukannya gabungan kata/, kerana gabungan kata ialah frasa. Ramlan pada tahun 1965 dan Badudu pada tahun 1978 menganggap kata majmuk sebagai gabungan morfem dengan morfem yang berstatus kata; pada tahun 1985

gabungan morfem dengan morfem yang berstatus kata; pada tahun 1985 pula, saya berpendapat bahwa kata majmuk dipandang sebagai kata yang terjadi daripada gabungan leksem dengan leksem. Atas dasar hierarki gramatikal itu pula ayat majmuk bukan lagi dianggap sebagai gabungan ayat dengan ayat, melainkan gabungan klausa dengan klausa. Oleh itu, pandangan kita tentang subjek-predikat yang pada hakikatnya menjadi inti klausa, dan bukan inti ayat suatu fakta yang sudah lama dianut orang menjadi lebih jelas. Dengan demikian klasifikasi ayat pun menjadi lebih kaya: bukan hanya ada ayat tunggal, ayat majmuk, dan ayat bersusun, melainkan juga nampak ada ayat yang merupakan gabungan klausa terikat dengan klausa terikat, ada ayat yang bukan merupakan klausa, dan sebagainya. Perbezaan antara klausa dengan ayat mempertajam pemahaman orang tentang perilaku unsur pembentuknya, sebagaimana yang ditunjukkan oleh Sudaryanto dalam disertasinya (1979).

Konsep wacana baru diperkenalkan ke dalam sistem tatabahasa Indonesia melalui dua makalah saya yang ringkas (1970 dan 1978). Pengakuan bahawa adanya satuan terbesar itu menyebabkan hierarki gramatika meningkat, tidak terbatas pada ayat, melainkan terus “ke atas” sampai gugus ayat, paragraf, monolog/dialog, hingga kepada wacana. Karangan penulis yang sebenarnya tidak terlalu *original* itu memicu penelitian yang intensif tentang segala aspek wacana dalam pelbagai bahasa di Indonesia oleh berdozen-dozen peneliti sampai hari ini di perguruan tinggi yang tersebar di Indonesia, bahkan di Malaysia juga. Pandangan bahawa wacana ialah satuan gramatikal yang lengkap lebih menyedarkan orang akan keterbatasan bahasa, sehingga dengan lebih jelas orang dapat melihat hubungan antara bahasa dengan fenomena lain di luarnya, dan makin meyakinkan orang bahawa itu merupakan suatu sistem tanda. Keyakinan itu mengarahkan orang pada penelitian mengenai aspek semiotik, khususnya pragmatik, seperti gejala deiksis (Purwo, 1984) dan gejala ketakziman (lihat himpunan makalah kumpulan Suhardi dan Muhadjir, 1990, yang sebahagian merupakan kritik terhadap makalah saya tahun 1974). Hubungan antara bahasa dengan fenomena di luarnya, khususnya penuturnya dan pranata budaya yang terikat pada bahasa, menyedarkan orang bahawa bahasa Indonesia itu bukan sebuah sistem monolit, melainkan suatu fenomena sosial yang secara intrinsik mengandungi variasi, sebagai cerminan kepelbagaian hakiki manusia dan kelompok manusia penuturnya. Konsekuensi langsung daripada kesedaran itu ialah timbulnya pencerahan bahawa dalam bahasa Indonesia ada variasi standard dan ada variasi bukan standard. Keyakinan itu diperkuat dengan penelitian empiris yang sangat intensif dalam bidang

sosiolinguistik. Walau bagaimanapun, masalah betul salah dalam berbahasa Indonesia – dengan demikian, dalam berbahasa baku atau bukan baku bukan semata-mata masalah betul salah dalam sebutan atau ejaan atau dalam tatabahasa atau dalam pilihan kata (seperti yang dianut orang sebelum tahun 1960-an), melainkan lebih-lebih masalah sesuai tidaknya orang berbicara dalam konteks logik, strategi komunikasi, atau suasana psikologi yang tepat. Ringkasnya, penggunaan bahasa diwujudkan sesuai dengan fungsi bahasa.

Secara peribadi saya – di samping berusaha untuk memperkenalkan wawasan tentang wacana pada tahun 1970-an, dan tulisan saya dalam media massa umum yang berusaha untuk meyakinkan orang agar tidak hanya memandang bahasa Indonesia secara preskriptif, serta penelitian saya tentang ciri-ciri bahasa Indonesia standard telah berusaha menyumbangkan tiga wawasan teoretis bagi bahasa Indonesia, iaitu (1) penajaman dalam pembahagian kelas kata dalam bahasa Indonesia (1986), (2) model baharu bagi pembentukan kata bahasa Indonesia yang berdasar leksem (1987), (3) teori sintaksis yang bersifat fungsionalistis (1991). Beberapa mahasiswa saya pernah berjaya menerapkan pembahagian kelas kata itu terhadap bahasa Jawa. Mungkin pembahagian semacam itu memadai juga untuk bahasa lain. Model morfologi yang saya sarankan – ada disebut sedikit di atas – sifatnya sangat tidak konvensional, kerana morfologi bahasa Indonesia digambarkan secara siklis dan tak linear. Kini, teori morfologi itu dalam konteks linguistik merupakan teori yang lazim disebut *natural morphology* atau morfopragmatik, iaitu teori morfologi yang berorientasi pada semiotik (lihat Dressler, 1990). Yang tepat bagi bahasa Indonesia itu belum dibuktikan keterterapannya bagi bahasa lain. Hal berlainan dengan teori sintaksis yang saya sarankan. Saya menganggap teori saya itu berlaku pada bahasa lain, kerana di dalamnya secara sintesis tergambar bagaimana tiga tiang sintaksis, yakni struktur, kategori, dan fungsi “menyangga” bangunan bahasa. Namun sehingga kini ketiga-tiga sumbangan teoretis itu belum mendapat sambutan yang cukup kritis daripada rakan ataupun belum ada sumbangan tandingan terhadap ketiga-tiganya (kalau kita menggunakan istilah Popper, belum ada falsifikasi). Oleh itu, sumbangan teoretis itu masih boleh dikaji akan keterterapannya.

Demikianlah gambaran perkembangan wawasan bahasa selama 30 tahun terakhir ini, iaitu seperti menggelindingnya bola salji, perkembangan yang dimulai dengan pengenalan konsep yang begitu sederhana seperti fonem, morfem, dan wacana hingga kepada konsep yang begitu rumit, tetapi yang rupa-rupanya lebih bermanfaat bagi kalangan yang lebih luas daripada para ahli bahasa, yakni strategi berbahasa.

KESIMPULAN

Walaupun aliran TG sangat kuat di luar Indonesia dan Samsuri berusaha memperkenalkannya dalam bidang sintaksis dan Soenjono Dardjowidjojo berusaha untuk memperkenalkan morfologi generatif, namun pengaruhnya di Indonesia sangat kurang. Ada beberapa sarjana yang berusaha untuk menerapkannya dalam deskripsi bahasa-bahasa Indonesia, tetapi kerana teori itu – seperti dipaparkan di atas – terus berubah dan para peminat teori itu selalu ketinggalan literatur, usaha mereka tidak dapat dianggap serius. Masa depan teori ini pada akhir abad ke-20 ini pun patut dipertanyakan, apalagi setelah Chomsky dalam karyanya yang membeberkan teorinya yang terbaru, yang disebutnya *minimalist program*, yang terbit pada tahun 1995 membayangkan berakhirnya kajian sintaksis, dengan menggeser apa yang selama ini dianggap merupakan penelitian sintaksis ke bidang fonologi atau semantik.

Kini, teori linguistik yang dominan di Indonesia ialah teori yang fungsionalistis. Teori sedemikian terdapat dalam, misalnya disertasi Universitas Indonesia dan Universitas Gadjah Mada. Tidak ada seorang pun yang mengusahakan atau yang merekayasa dominasi gerakan ini. Tumbuhnya alamiah belaka. Sebabnya ialah teori ini sesuai dengan suasana kebahasaan di Indonesia, tidak terbatas pada kajian teoretis sahaja, mencakupi banyak cabang linguistik, tidak bernuansa politik seperti aliran TG, bersifat sangat terbuka, tidak berpusat Anglo-Sakson, dan tidak perlu berorientasi ke Amerika. Penganut fungsionalisme juga memberi peluang untuk mengikuti teori atau paradigma baharu dalam linguistik. Ketika terbit karya Jakobson yang tidak mengakui sepenuhnya teori de Saussure tentang ke-arbiteran tanda bahasa, beberapa sarjana mengadakan penyelidikan seberapa dalam tentang ikonitas yang ada dalam pelbagai bahasa di Indonesia dan bahasa lain di dunia (lihat disertasi Sutami, 1999, dan Praptomo Baryadi, 2000). Sarjana yang menerapkan teori fungsional biasanya tidak emosi, dan karyanya tidak harus mengandungi teori abstrak, sehingga dia tidak harus “memusuhi” sesiapa pun. Banyak orang yang menerapkan fungsionalisme sering tidak berasa bahawa mereka menganut aliran tertentu. Yang penting baginya hanyalah bahawa penelitiannya itu ditonton oleh metodologi yang dapat dipertanggungjawabkan.

Dalam perkembangan linguistik Indonesia, semenjak tempoh pralinguistik moden, dalam kajian tentang bahasa di Indonesia, tidak hanya terdapat penerapan mentah-mentah teori Eropah-Amerika, melainkan juga telah diciptakan inovasi teoretis berdasarkan fakta yang ditemui daripada pene-

litan empiris. Masa depan linguistik Indonesia terletak pada upaya untuk mengadakan penelitian yang lebih intensif sehingga nantinya tercipta teori khas Indonesia.

LAMPIRAN

BAHASA DAN BIDANG LINGUISTIK DALAM DISERTASI DOKTOR UNIVERSITAS INDONESIA (UI) UNIVERSITAS GADJAH MADA (UGM) 1980–2000

Bahasa	UI	UGM	Bidang Linguistik	UI	UGM
Arab	1	-	Dialektologi	2	2
Banjar	2	-	Fonologi	1	-
Bantik	1	-	Linguistik historis	3	1
Bugis	1	-	Morfologi	3	-
Inggeris	4	-	Pengajaran bahasa	1	-
Indonesia	11	6	Pragmatik	4	2
Jawa	4	2	Psikolinguistik	1	-
Kerinci	1	-	Semantik	2	1
Mandarin	1	-	Sintaksis	13	4
Melayu Larantuka	1	-	Sosiolinguistik	3	3
Minangkabau	-	1	Terjemahan	1	-
Prancis	1	-			
Rusia 1	1	-			
Sumbawa	-	1			
Sunda	2	-			
Bali-Indonesia*	-	1			
Bali-Sasak-Sumbawa*	1	1			
Gorontalo-Mongondow*	1	-			
Jawa-Sunda*	1	1			
	34	13		34	13

* Sosiolinguistik atau ling.hist.komp.

RUJUKAN

- Actes du Xve Congres International de Linguistes, 9–14 Aout 1992*. Quebec: Universite Laval.
- Achadiati Ikram dan Lukman Ali, (eds.) 1966. *Simposium Bahasa Indonesia dan Kesusastraan Indonesia*. Jakarta: Gunung Agung.
- Aminoedin, A. dkk. 1984. *Fonologi Bahasa Indonesia: Sebuah Studi Deskriptif*. Jakarta: Pusat Bahasa.
- Amran Halim, 1984. *Intonasi dalam Hubungannya dengan Sintaksis Bahasa Indonesia*. Jakarta: Djambatan.
- Anton M. Moeliono, 1985. *Pengembangan dan Pembinaan Bahasa*. Jakarta: Djambatan.
- Armijn Pane, 1980. *Mentjari Sendi Baru Tata Bahasa Indonesia*. Jakarta: Balai Pustaka.
- Bambang Kaswanti Purwo, 1984. *Deiksis dalam Bahasa Indonesia*. Jakarta: Balai Pustaka.
- Bouissac, Paul, (ed.) 1998. *Encyclopedia of Semiotics*. Oxford: Oxford University Press.
- Brown, Keith dan Jim Miller, (ed.) 1996. *Concise Encyclopedia of Syntactic Theories*. London: Pergamon.
- Burkhardt, Armin dan Hugo Steger dan Herbert Ersnt Wiegand (ed.) 1982–2001). *Handbuecher zur Sprach-und Kommunikationswissenschaft*. Jilid 1–19. Berlin: Walter de Gruyter.
- Chomsky, N. 1957. *Syntactic Structure*. Den Haag: Mounton.
- Chomsky, N. 1965. *Aspects of the Theory of Syntax*. Cambridge, Mass.: MIT Press.
- Chomsky, N. 1970. "Remarks On Nominalization" dlm. *Readings in English Transformational Grammar* oleh Jacobs dan Rosenbaum hlm. 184–221.
- Chomsky, N. 1982. *Some Concepts and Consequences of the Theory of Government and Binding*. Cambridge, Mass.: MIT Press.
- Chomsky, N. 1984. *Knowledge of Language: Its Nature, Origin, and Use*. Cambridge. Mass: MIT Press.
- Chomsky, N. 1995. *The Minimalist Program*. Cambridge, Mass: The MIT Press.
- Chomsky, N. 2000. *New Horizons in the Study of Language and Mind*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Collinge, N.E. 1990. *An Encyclopedia of Language*. London Routledge.
- Cruse, Alan, 2001. *Meaning in Language: An Introduction to Semantics and Pragmatics*. Oxford: Oxford University Press.
- Dik, Simon, 1978. *Functional Grammar*. Amsterdam: North Holland.
- Dressler, Wolfgang UI. Willi Mayerthaler, Oswald panagl. Wolfgang U. Wursel. 1987. *Leitmotifs in natural Morphology*. Amsterdam: John Benjamins.
- Dressler, Wolfgang U. 1990. "The Cognitive Perspective of 'Naturalist' Linguistic Models" *Cognitive Linguistics I*: 75–78.

- Droste, Flip G. dan John E. Joseph, (ed.) 1991. *Linguistic Theory and Grammatical Description*. Amsterdam: John Benjamins.
- Foley, William A. dan Robert d. Van Vallin, Jr. 1984. *Functional Syntax and Universal Grammar*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Fokker, A.A. 1951a. *Bahasa Indonesia dan Bahasa Daerah*. Pidato Penerimaan Jabatan Guru Besar Universitas Indonesia. Groningen-Jakarta: Wolters'.
- Fokker, A.A. 1951b. *Inleiding tot de Studie van de Indonesische Syntaxis*. Groningen-Jakarta: Wolters'.
- Haiman, John, (ed.) 1985. *Iconicity in Syntax*. Amsterdam: John Benjamins.
- Halliday, M.A.K. 1985. *An Introduction to Functional Grammar*. London: Edward Arnold.
- Hans Lapoliwa, 1990. *Klausula Pemerengkapan dalam Bahasa Indonesia*. Yogyakarta: Kanisius.
- Harimurti Kridalaksana, dkk. 1985. *Tata Bahasa Deskriptif Bahasa Indonesia I: Sintaksis*. Jakarta: Pusat Bahasa.
- Harimurti Kridalaksana, 1968. "Tutur sapa dalam Penggunaan Bahasa Indonesia Dewasa ini: Sebuah Studi Sociolinguistik" *Seminar Ikatan Linguistik Indonesia*.
- Harimurti Kridalaksana, 1971. "Terms of Address in Contemporary Indonesian" *Kertas Kerja 28th International Congress of Orientalists, Canberra (Australia)*.
- Harimurti Kridalaksana, 1972. "Nya sebagai Anafora" dlm. *Bahasa dan Kesusasteraan* 1:2.
- Harimurti Kridalaksana, 1978. "Keutuhan Wacana" dlm. *Dewan Bahasa* 22: 507-17.
- Harimurti Kridalaksana, 1985. *Kelas Kata dalam Bahasa Indonesia*. Jakarta: Gramedia.
- Harimurti Kridalaksana, 1988. *Beberapa Prinsip Perpaduan Leksem dalam Bahasa Indonesia*. Yogyakarta: Kanisius.
- Harimurti Kridalaksana, 1989. *Pembentukan Kata dalam Bahasa Indonesia*. Jakarta: Gramedia.
- Harimurti Kridalaksana, 1991a. *Fungsi dan Fungsionalisme dalam Linguistik*. Podato Penerima Jabatan Guru Besar Universitas Indonesia.
- Harimurti Kridalaksana, 1991b. "Sintaksis Fungsional: Sebuah Sintesis" *Kertas Kerja Musyawarah Nasional Masyarakat Linguistik Indonesia di Semarang*.
- Harimurti Kridalaksana, 1991c. "Perkembangan Linguistik Dewasa Ini" *Kertas Kerja Seminar Nasional Linguistik dan Pembangunan Bangsa, Denpasar* 30 Mac 1991.
- Harimurti Kridalaksana, 1991d. *Masa Lampau Bahasa Indonesia: Sebuah Bunga Rampai*. Yogyakarta: Kanisius.
- Harimurti Kridalaksana, 1992. "The Future of Regional Languages in Indonesia" dlm. *15th International Congress of Linguists; Quebec (Kanada)*, 9-14 Ogos

1992.

Harimurti Kridalaksana, 2000. "The Sanskrit Heritage in Indonesia". 11th *World Sanskrit Conference*. Torino (Italia).

Harimurti Kridalaksana, 2001. "Arah Pengembangan Kajian Etimologi Indonesia" *Kata*: 4(1):2-5.

Hasan Alwi, 1990. *Modalitas dalam Bahasa Indonesia*. Jakarta: Djambatan.

Jacobs, Joachim, et al. (ed.) 1993. *Syntax: ein Internationales Handbuch Zeitgenossischer Forshung*. Berlin: Walter de Gruyter,

Jakobson, Roman, 1971 (1996). "Quest for the Essence of Language" *Selected Writings* II:345-59. Berlin: Walter de Gruyter.

Kamil, T.W. dan Sugeng Sukarsono, 1960. "Beberapa Morfem yang Produktif dalam bahasa Indonesia" *Bahasa dan Budaya*.

Kamil, T.W. 1964. "Perbandingan Beberapa Pandangan tentang Konsepsi Morfem dan Saran-saran Mengenai Adaptasi Konsepsi Tersebut dalam Bahasa Nusantara" dlm. *MISI*.

Kamil, T.W. dan A.M. Moeliono, 1961. "Beberapa Patokan dan Saran untuk Pelaksanaan Linguistik di Indonesia" dlm. *Medan Ilmu Pengetahuan*.

Landsberg, Marge E. (ed.) 1995. *Syntactic Iconicity and Linguistic Freezes*. Berlin: Walter de Gruyler.

Matthews, P.H. 1993. *Grammatical Theory in the United States from Bloomfield to Chomsky*. Cambridge: Cambridge University Press.

Mees, C.A. 1951. *Tatabahasa Indonesia*. Bandung: Masa Baru.

Mey, Jacob L. (ed.) 1998. *Concise Encyclopedia of Pragmatics*. London: Pergamon.

Muhadjir dan Basuki Suhardi, (ed.) 1990. *Bilingualisme dan Variasi Bahasa*. Depok: Fakultas Sastra U.I.

Newmeyer, Frederick, J. (ed.) 1988. *Linguistics: the Cambridge Survey vol. I-IV*. Cambridge: Cambridge University Press.

Pike, Kenneth K. 1982. *Linguistic Concepts: An Introduction to Tagmemics*. Lincoln: University of Nebraska Press.

Poedjawijatna, I.R. dan P.J. Zoetmulder, 1955. *Tatabahasa Indonesia untuk Sekolah Lanjutan Atas*. Jakarta: Obor.

Popper, Karl A. 1959. *The Logic of Scientific Discovery*. New York: Basic Book.

Prapto Baryadi, 2000. *Ikonsitas Diagramatik dalam Bahasa Indonesia*. Disertasi doktor. Yogyakarta: Universitas Gadjah Mada.

Ramlan, M. 1964. "Intermediate Constituent (IC) dalam Morfologi dan Sintaksis Indonesia" dlm. *MISI*.

Ramlan, M. 1965. "Kata Majemuk dalam Bahasa Indonesia". Dlm. *MISI*.

Ramlan, M. 1993. Paragraf: Alur Pikiran dan Kepaduannya dalam Bahasa Indonesia. Yogyakarta: Andi Offset.

Samsuri, 1960. "Sistem Fonem Indonesia dan Suatu Penyusunan Edjaan Baru" *Medan Ilmu Pengetahuan*.

Samsuri, 1989. *Tata Kalimat Bahasa Indonesia*. Jakarta: Sastra Hudaya.

- Schiffirin, Deborah, 1994. *Approches to Discourse*. Oxford: Blackwell.
- Sebeok, T.A. 1971. *Current Trends in Linguistics*, Jilid 8: Linguistics in Oceania. The Hague dan Paris: Mouton.
- Sebeok, T.A. 1994. *Introduction to Semiotics*. London: Pinter.
- Sells, Peter, 1985. *Lectures on Contemporary Syntactic Theories: An Introduction to Government-Binding Theory, Generalized Phrase Structure Grammar, and Lexical-Functional Grammar*. Stanford: Standord U.P.
- Simone, Raffaele, (ed.) 1995. *Iconicity in Language*. Amsterdam; John Benjamins.
- Slamermuljana, 1956–7. *Kaidah Bahasa Indonesia*. 2 Jilid Jakarta: Djambatan.
- Slamermuljana, 1959. *Politik Bahasa Nasional*. Pidato Penerimaan Jabatan Guru Besar Universitas Indonesia. Jakarta: Djambatan.
- Soenjono Dardjowidjojo, 1983. *Beberapa Aspek Linguistik Indonesia*. Jakarta: Djambatan.
- Sudaryanto, 1983. *Predikat Obyek dalam Bahasa Indonesia*. Jakarta: Djambatan.
- Sudaryanto, 1989. *Pemanfaatan Potensi Bahasa*. Yogyakarta: Kanisius.
- Sudaryanto, 1996. *Dari Sistem Lambang Kebahasaan Sampai Prospek Bahasa Jawa*. Yogyakarta: Duta Wacana Press.
- Sutami, Hermina, 1999. *Ikonisitas dalam Sintaksis Mandarin*. Disertasi Doktor Jakarta: Universitas Indonesia.
- Syntax and Semantics*, Jilid 1–26. New York: Academic Press.
- Takdir Alisjahbana, 1944–1950. *Tatabahasa Baru Bahasa Indonesia*. Jakarta: Pustaka Rakyat.
- Takdir Alisjahbana, 1954. *Bahasa Indonesia dan Bahasa Daerah*. Jakarta: Pustaka Rakyat.
- Takdir Alisjahbana, 1960. *Dari Pertumbuhan dan Perkembangan Bahasa Indonesia*. Jakarta: Pustaka Rakyat.
- Verhaar, J.W.M. 1999. *Asas-asas Linguistik Umum*. Yogyakarta: Gadjah Mada University Press.